

## HELAIAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai TAKAFUL myHealth Plus.

Sila juga pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.



**TAKAFUL myHealth Plus**

Tarikh:

### 1. Apakah pelan ini?

Pelan ini menyediakan manfaat pendapatan harian hospital sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital tempatan dan luar negara sebagai pesakit dalam, atau dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

Ianya juga menyediakan Bonus Pembaharuan yang akan menambahkan semua manfaat pendapatan hospital harian yang perlu dibayar sebanyak 10% pada setiap tahun pembaharuan bermula dari tahun sijil ke-2, sehingga maksimum 50%.

Di samping itu, pelan ini menyediakan pembayaran tunai tambahan sekali gus jika dimasukkan ke hospital selama 5 hari atau lebih berturut-turut dan/atau sekiranya berlaku kematian.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini menggunakan konsep Syariah Wakalah dan Tabarru'.

Wakalah merupakan kontrak di mana peserta melantik Pengendali Takaful untuk menjalankan transaksi bagi pihaknya untuk melabur dan menguruskan sumbangan dalam Dana Takaful Am (selepas ini dirujuk sebagai "DTA") dengan berlandaskan Syariah. Sebagai pulangan, peserta membenarkan Pengendali Takaful untuk menolak sejumlah amaun sebagai yuran wakalah (juga dikenali sebagai yuran pentadbiran) bagi perkhidmatan yang diberikan.

Baki sumbangan selepas ditolak yuran wakalah akan dikreditkan ke dalam DTA sebagai Tabarru' (juga dikenali sebagai kos insurans dalam insurans konvensional).

Tabarru' bermaksud derma untuk tujuan bukan komersial dan digunakan untuk membantu orang yang akan dilindungi lain apabila ditimpa musibah untuk tujuan perpaduan, persaudaraan dan kerjasama di kalangan orang yang akan dilindungi.

### 3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Sila rujuk kepada Jadual Manfaat di bawah:

Bil.	Manfaat	Pelan (RM)					
		1	2	3	4	5	6
(a)	<b>Manfaat Asas</b>						
1	Pendapatan Harian Hospital (semua sebab, maksimum 180 hari bagi setiap keilangan)	50/ hari	100/ hari	150/ hari	200/ hari	250/ hari	300/ hari
2	Pendapatan Harian Hospital Dua Kali Ganda di Luar Negara (semua sebab,	100/ hari	200/ hari	300/ hari	400/ hari	500/ hari	600/ hari

	maksimum 60 hari bagi setiap keilatan)						
3	Pendapatan Harian Hospital Tiga Kali Ganda jika dimasukkan ke ICU (semua sebab, maksimum 30 hari bagi setiap keilatan)	150/ hari	300/ hari	450/ hari	600/ hari	750/ hari	900/ hari
4	Bonus Pembaharuan	Manfaat asas ditambahkan sebanyak 10% pada setiap pembaharuan sijil, sehingga maksimum 50%					
5	Had Seumur Hidup	50,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
(b)	<b>Manfaat Tambahan</b>						
1	Manfaat Tunai Kecemasan Tambahan (pembayaran sekali gus jika dimasukkan ke hospital selama 5 hari atau lebih berturut-turut, maksimum 1 kali setiap tahun sijil)	500	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000
2	Manfaat Tunai Ihsan (pembayaran sekali gus, kematian akibat semua sebab)	500	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000

Nota:

- Hanya satu manfaat pendapatan harian hospital daripada manfaat asas (perkara 1 hingga 3) akan dibayar bagi mana-mana satu hari penghospitalan.
- Bonus Pembaharuan ini hanya digunapakai untuk manfaat asas (perkara 1 hingga 3) sahaja.
- Jumlah agregat manfaat asas (perkara 1 hingga 3) yang akan dibayar tidak boleh melebihi had seumur hidup.
- Pakej manfaat anda akan bergantung kepada pelan yang anda sertai dan ianya akan dinyatakan di dalam sijil anda.

#### 4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Sumbangan bulanan yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan yang anda sertai.

Umur Tercapai pada Hari Jadi Seterusnya	Sumbangan Bulanan (RM)					
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
18 hingga 35	17	35	52	69	87	104
36 hingga 40	20	41	61	82	102	122
41 hingga 45	24	48	73	97	121	145
46 hingga 50	31	61	92	122	153	183
51 hingga 55	42	83	125	166	208	250
56 hingga 60	57	115	172	229	287	344
61 hingga 65*	74	147	221	295	369	442
65 hingga 70*	85	169	254	339	423	508

\*Untuk pembaharuan sahaja.

Nota:

Sumbangan bulanan adalah termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan 6% (GST).

**5. Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang saya perlu bayar?**

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah / Yuran Pentadbiran	60% daripada sumbangan termasuk perbelanjaan pemasaran dan pentadbiran.
Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 6%	Termasuk dalam sumbangan.

**6. Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?**

Sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

- Tanggungjawab Pendedahan - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon pelan ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini). Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan setepatnya. Kegagalan untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini), anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini) tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda boleh membatalkan pelan ini dengan mengembalikan sijil tersebut dalam tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar selepas sijil telah diterima oleh anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan.
- Perlindungan anda akan berkuatkuasa setelah sijil dikeluarkan dan sumbangan telah dibayar.
- Tempoh Menunggu - Bagi penyakit selain daripada penyakit tertentu, kelayakan untuk manfaat di bawah pelan ini hanya akan bermula 30 hari dari tarikh berkuat kuasa sijil. Untuk penyakit tertentu, ianya hanya akan bermula 120 hari dari tarikh berkuat kuasa sijil.
- Tempoh Tangguh - Anda mempunyai enam puluh (60) hari dari tarikh pembayaran sumbangan (termasuk) untuk membayar setiap sumbangan yang matang. Sekiranya sumbangan tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan orang yang dilindungi tidak akan mempunyai sebarang perlindungan, manfaat atau nilai takaful.
- Sekira berlakunya kemalangan atau penyakit yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kami dengan serta-merta.
- Pembaharuan sijil sehingga umur 70 tahun dan sumbangan pembaharuan adalah tidak dijamin.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat bagi pelan ini.

**7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?**

Pelan ini tidak melindungi perkara-perkara yang berikut:

- Penyakit yang sedia ada;
- Penyakit atau penyakit tertentu yang bermula dalam tempoh menunggu;
- Penghospitalan untuk tujuan penyiasatan, pendermaan organ, penukaran jantina, pembedahan kosmetik atau plastik, penyakit gigi, penjagaan atau pembedahan gigi, atau rawatan untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
- Keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- Percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan semasa waras atau tidak waras.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai penuh pengecualian bagi pelan ini.

#### **8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh membatalkan sijil selepas tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penerimaan sijil oleh anda. Dalam keadaan demikian, tidak ada sebarang bayaran balik sumbangan kepada anda.

#### **9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran untuk menghubungi / peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang sepatutnya.

#### **10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari [www.islamicfinanceinfo.com.my](http://www.islamicfinanceinfo.com.my).

Sekiranya anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Takaful *myHealth Plus*, sila hubungi kami di:

**Unit Perkhidmatan Pelanggan (CSU)**

Suite 1B-3A, Level 3A, Block 1B,  
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1-300-82-0022

E-mel: [telemarketing@takaful-malaysia.com.my](mailto:telemarketing@takaful-malaysia.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA PUAS HATI BAHAWA PELAN INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL INI ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan produk ini adalah sah pada 11/8/2016.